

**NOTES UNTUK UCAPAN Y.A.B. TIMBALAN
PERDANA MENTERI DAN TIMBALAN PRESIDEN
BARISAN NASIONAL DALAM MAJLIS PERJUMPAAN
DENGAN AHLI-AHLI BARISAN NASIONAL PERLIS,
DI DEWAN PELBAGAI GUNA, KANGAR, PADA
12HB. JULAI, 1975 JAM 4.30 PETANG**

1. Alaun-alaun,

Bersyukur kerana pertama kali melawat Negeri Perlis secara rasmi, sungguh pun sangat singkat. Syukur juga kerana dapat peluang menemui keluarga Barisan Nasional, yang menjadi tulang belakang parti kita.

2. Terimakasih, dan penghargaan kepada ahli-ahli parti dalam Komponen Barisan Nasional kerana sumbangan mereka dalam Pilihanraya 1974 yang memberi kemenangan besar kepada Barisan Nasional.

3. Pilihanraya

Penghargaan dan pujian atas kerjasama erat dan perpaduan bulat di kalangan parti-parti dalam Barisan Nasional semenjak Pilihanraya. Ini mencerminkan perpaduan dalam parti. Berharap keadaan ini

dapat dapat diteruskan untuk masa yang akan datang. Perpaduan sangat penting sebagai benteng menghadapi sebarang ancaman kepada negara. Perpaduan membolehkan kita menumpukan usaha terhadap soal pembangunan dan mengatasi masalah rakyat.

4. Penyelarasan Parti.

Penyelarasan antara parti-parti dalam Barisan Nasional berjalan dengan baik. Datuk Menteri Besar puas hati dengan kemajuan ini. Tapi kita perlu membaiki keadaan dan melicinkan penyelarasan dan kerjasama ahli parti-parti di peringkat bawah - kukuhkan persefahaman.

5. Peranan Wanita

Pujian-pujian dan penghargaan

dapat dapat diteruskan untuk masa yang akan datang. Perpaduan sangat penting sebagai benteng menghadapi sebarang ancaman kepada negara. Perpaduan membolehkan kita menumpukan usaha terhadap soal pembangunan dan mengatasi masalah rakyat.

4. Penyelarasan Parti.

Penyelarasan antara parti-parti dalam Barisan Nasional berjalan dengan baik. Datuk Menteri Besar puas hati dengan kemajuan ini. Tapi kita perlu membaiki keadaan dan melicinkan penyelarasan dan kerjasama ahli parti-parti di peringkat bawah - kukuhkan persefahaman.

5. Peranan Wanita

Pujian-pujian dan penghargaan

tentang peranan kaum Wanita dalam Barisan Nasional yang banyak memberikan sumbangan serta pengorbanan kepada parti. Kerana pengorbanan inilah memang sentiasa berada pada parti dan Wanita telah pun memberikan tempat yang sesuai di dalam parti dan Kerajaan Barisan Nasional.

6. Untuk masa depan, ahli-ahli Parti dan alat-alat jentera Kerajaan patut menumpukan perhatian terhadap memenuhi cita-cita rakyat sesuai dengan Manifesto kita.
Cara-caranya:-

a) (Konsolidasi Parti)

Kita patut konsolidasikan kedudukan parti. Sungguhpun Pas dalam keluarga Pas, UMNO dalam keluarga UMNO dan MCA dalam keluarga MCA, tapi dalam

konteks negara, konteks Barisan Nasional, semua parti berazam mengukuh cita-cita, melipatgandakan usaha, berikhtiar memenuhi amanat rakyat kepada parti kita seperti mengatasi kesusahan dan kesulitan rakyat dan memberi pembelaan terhadap nasib mereka.

b) (Keselamatan)

Mengenai keselamatan, musuh kita yang utama ialah komunis dan golongan anti nasional. Golongan komunis berusaha menjalankan muslihat menggunakan kekuatan senjata dan diakyah mengelirukan rakyat dan melemahkan Kerajaan. Komunis percaya dengan gerakan United Front, merangkum semua golongan yang tidak puas hati terhadap Kerajaan dan

menentang establishment. Memimpin golongan ini, secara langsung dan tidak langsung, untuk menumpaskan establishment dan Kerajaan. Bila berjaya, - (Manzubiillahi Minzalik) yang menentang establishment, tidak sedar mereka diperalatkan, oleh komunis, mereka harus tahu nasib mereka apabila komunis berkuasa, negara dikomuniskan dan golongan yang menolong komunis menentang establishment tetap akan menjadi mangsa juga.

c) (CPM - Foreign Identity)

Kita berada dalam keadaan perang dengan komunis. Parti komunis Malaya tidak bertunjang di negara ini. Bahkan ia sudah mempunyai Foreign Identity. Ditilai daripada

kekuatan komunis, ternyata bahawa orang yang bukan berasal dari Malaya lebih ramai dalam gerakan komunis dari orang yang asalnya rakyat Malaya. Ini bererti satu pencabulan dari luar (Foreign aggressive) telah dijalankan di atas tanah air negara kita.

d) (Jangan bimbang)

Kita rakyat jangan bimbang dengan kekuatan dan keganasan komunis. Sungguhpun akhir-akhir ini, ramai askar-askar dan rakyat terbunuh, ditinjau daripada segi sejarah, peperangan ke atas komunis sudah lama sejak beberapa tahun. Dalam masa dharurat yang pertama pasukan

bersenjata telah membunuh 12 ribu komunis berbanding dengan 4 ribu orang rakyat warganegara yang terkorban terdiri daripada askar dan orang awam. Kekuatan komunis jangan ditinjau daripada kematian yang telah berlaku baru-baru ini, tetapi mesti dinilai daripada rancangan komunis berkuasa dan kononnya membebaskan negara kita ini di bawah rancangan 7 tahun yang berakhir tahun 1975. Tidak seinci pun bumi kita dibebaskan atau 'liberated' oleh komunis yang boleh mereka dakwa sebagai satu kejayaan. Rakyat Malaysia dan pasokan bersenjata tetap mempertahankan kedaulatan dan keutuhan negara kita daripada sebarang ancaman. Nesti berfikir secara positif.

f) Hubungan Thai-Malaysia

Malaysia khasnya Perlis bersempadan dengan negeri Thai. Kekuatan komunis dan aktiviti keselamatan banyak berkisar di kawasan ini dan juga negeri Kedah. Kita mendapat kerjasama erat daripada Kerajaan Thai. Ini satu perkara yang tidak boleh diperkecilkan. Umpamanya Pasukan Polis Hutan kita berpusat di dalam kawasan Thai. Pasukan perisik kita juga dipusatkan di negeri Thai. Keadaan ini tidak pernah berlaku di negara lain sekali pun antara England dan Amerika. CIA tidak pernah diizinkan bertapak di England untuk menjalankan aktiviti. Sekalipun mereka bersahabat.

g) Penglibatan Rakyat

Untuk membasmi kekuatan komunis, mestilah menarik perhatian rakyat, meminta kerjasama dan penglibatan mereka secara berkesan dan lebih bererti. Rakyat biasa samada dari keturunan orang Melayu dan China memang memberikan kerjasama. Tapi masalah yang dihadapi ialah golongan menengah 'middle class'. Golongan yang berpendidikan Inggeris kurang memberikan penyertaan dan penglibatan mereka. Tetapi golongan inilah yang banyak mendapat faedah dan munafaat daripada Kerajaan, khasnya daripada Dasar Ekonomi Baru. Mereka inilah sepatutnya memberikan pengorbanan bagi mempertahankan Kerajaan dan demokrasi.

h) Semangat Agama

Kita mesti mengasuh anak supaya tebal dengan semangat keugamaan dan mempunyai moral value yang tinggi. Islam dan komunis tidak mungkin disatukan. Perbezaan cukup besar. Islam sejati tidak mungkin memasuki komunis dan komunis tidak mungkin memasuki Islam. Tapi komunis gunakan agama untuk muslihat mereka.

i) Keselamatan Terkawal

Keadaan keselamatan kita memang terkawal. Tapi ingat. Kita berada dalam keadaan perang dengan komunis. Jangan hendaknya terpedaya dengan diayah komunis. Dengan perpecahan di kalangan komunis, mereka akan timbulkan aktiviti ganas. Mereka berusaha

bagi mempedaya rakyat membunuh orang yang tidak berdosa dan sebagainya.

j) Unbalanced Publicity

Banyak masalah serta keadaan tidak puas hati timbul disebabkan oleh Dasar Ekonomi Baru yang diberikan gambaran tidak seimbang 'unbalance publicity'. Keadaan ini perlu diperbaiki sebab Bumiputra tidak merampas hak orang yang berpunya. Apa yang kita maksudkan penyertaan Bumiputra di bidang ekonomi adalah dalam bentuk ekonomi yang sedang berkembang.

k) Badan-badan Awam

Kecaman terhadap badan-badan awam dilakukan oleh orang tertentu dan motif tertentu. Biasanya orang-orang yang tidak mendapat

pinjaman, atau pun orang yang berhutang selalu buat bising. Gulongan ini muncul menjadi hero cuba menentang badan-badan berkanun. Orang ramai jangan terpengaruh sangat dengan kecaman atau tuduhan seperti yang dinyatakan dalam akhbar kerana ini tidak mencerminkan keadaan yang sebenarnya. Badan-badan berkanun kita baru dibentuk dan sedang berkembang. Dalam keadaan ini tentulah banyak kekurangan. Masih banyak bidang yang masih mereka perlu teroka dan mengambil masa bagi mengatasinya.

1) Berita Angin

Sedih kerana sekali pun rakyat negara kita mempunyai peringkat Literasi yang tinggi, serta jua rakyat yang boleh menggunakan

perhitungan dan fikiran sendiri, masih nyata dan termakan oleh khabar angin yang sengaja diadakan. Demikian juga beberapa cara menimbulkan issue yang popular yang boleh menarik perhatian rakyat untuk membenci Kerajaan, mengecam dan juga menodai Kerajaan. Ini dibuat dengan cara licin menggunakan masalah agama, masalah bahasa, masalah ekonomi dan lain. Patutlah kita waspada terhadap gerakan ini. Jangan diperalatkan secara sengaja atau pun tidak. Rakyat bekerjasama memberikan segala maklumat tentang gerak geri anasir komunis atau pun golongan yang kita syak mempunyai kaitan komunis.

m) Penyeludupan

Masalah kita hadapi ialah penyeludupan. Kita mengakui penyeludupan yang dijalankan sekarang seperti beras, gula dan lain-lain menyebabkan barang ini murah. Rakyat berkehendakkan harga beras murah. Kita mengakui akan kebenaran ini. Sebaliknya juga rakyat masih sedar bahawa barang yang dibawa secara haram atau barang yang diharamkan oleh agama itu biasanya menjadi barang sedap, barang yang sentiasa dicari oleh golongan yang kurang iman. Masalah penyeludupan menimbulkan kesulitan kepada Kerajaan, kerana ia melibatkan bukan sahaja tenaga, melemahkan ekonomi negeri kita kerana kita kehilangan cukai dan sebagainya. Dan segi moral juga ini adalah sesuatu

yang ditentang dan tuduhan hidup orang-orang yang percaya kepada agama, percaya kepada Tuhan. Basmi penyeludupan. Kenyataan rasmi dibuat.

n) Gerakan Sosial

Parti hendaklah menumpukan usaha terhadap soal masyarakat. Soal tanah penting. Sungguhpun masalah tanah tidak berbangkit di sini, kita tahu petani yang tidak bertanah ramai jumlahnya. Pendapatan petani pemilik dengan petani penyewa jauh berbeza. Hasil satu penyelidikan 1973, di lokaliti D 11, Rancangan Pengairan Muda didapati hampir-hampir 50% dari kawasan itu disewa. Jalan yang sesuai mungkin dalam bentuk Reformasi tanah yang benar-benar ikhlas.

o) Usaha Kebajikan

Tindakan yang serious perlu kita ambil terhadap pasukan bersenjata yang cedera, yang hilang sebahagian pancainderanya. Kita mesti bela nasib orang-orang yang telah berkorban membela negara. Jangan abaikan tugas ini.

p) Ekonomi

Keadaan ekonomi memberi tanda cerah sedikit. Pertumbuhan ekonomi bergantung kepada kestabilan politik rantau ini. Kita mesti membuktikan bahawa kita kukuh dan kekuatan politik terjamin, sekalipun negara-negara di Indo-China telah memilih satu sistem pemerintahan yang lain. Berharap ekonomi akan putih sungguhpun kita menghadapi beberapa cabaran.



